

# UPACARA ‘TERM OF REFERENCE’



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5510-upacara-term-of-reference](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5510-upacara-term-of-reference)

AUSTRALIA, 15 Okt 19 – Bersempena dengan Mesyuarat Air Staff Talks ke sebelas antara TUDM dan Royal Australia Air Force (RAAF), satu upacara menandatangani ‘Term of Reference’ telah dilaksanakan bagi program Sister School antara Sekolah Kawalan Trafik Udara, INSPRA dengan School of Air Traffic Control.

Upacara tandatangan ini telah disempurnakan oleh Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj AB Wahab TUDM bersama Air Commander Australia Air Vice, Marshal Vincent 'Joe' Lervasi.

Dokumen yang telah ditandatangani ini akan menjadi rujukan kepada kedua-dua belah pihak bagi pelaksanaan program Sister School antara pusat latihan Kawalan Trafik Udara TUDM dan RAAF.

Selain dari program Sister School, TUDM juga pernah melaksanakan program ‘Sister Squadron’ antara Institut Penerbangan 1 dengan Central Flying School, RAAF.

